

## Isu bekalan air kepada Singapura dikaji dari segala sudut

UM 26 OCT 2002  
KUALA LUMPUR 25 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengkaji dari segala sudut termasuk undang-undang sebelum menentukan tindakan selanjutnya berhubung isu bekalan air kepada Singapura.

Perdana Menteri berkata, apa juga tindakan yang akan diambil, ia adalah bagi membolehkan Malaysia mendapat harga air yang lebih wajar dan tidak terus menanggung kerugian.

Bagaimanapun, tegasnya, tindakan itu tidak akan sama sekali menghentikan bekalan air mentah ke Singapura walaupun Malaysia boleh melakukannya kerana ia tidak terdapat dalam perjanjian yang ditandatangani.

“Kita memang mempunyai hak untuk menaikkan atau menurunkan harga tetapi kita bagi jaminan, kita akan bekalkan air kepada mereka tetapi bukanlah untuk kegunaan komersial,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim bahawa Malaysia boleh mewujudkan akta bekalan airnya sendiri yang akan membatalkan semua perjanjian air dengan Singapura.

Kata Rais, tidak salah untuk Malaysia membuat undang-undang baru terhadap aset yang dimilikinya.

Mengenai harga sebanyak 12 sen bagi setiap 1,000 gelen yang dicadangkan oleh Singapura, Dr. Mahathir berkata, beliau difahamkan itulah harga yang dicadangkan oleh negara itu.

Katanya, cadangan itu dikemukakan selepas cadangan sebelum itu iaitu sebanyak 45 sen ditolak oleh Malaysia.

“Itulah yang saya difahamkan kerana perbincangan itu adalah di antara pegawai-pegawai,” katanya.